

'BN mansuh ISA setelah hilang keyakinan rakyat'

Malaysiakini.com

September 20,2011

Janji Datuk Seri Najib Razak untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hanyalah setelah Perdana Menteri sedar bahawa rakyat sudah hilang keyakinan dengan kepimpinan kerajaannya., kata pemimpin veteran DAP Lim Kit Siang.

Malah, janji itu, menurutnya juga dibuat selepas kerajaan dikecam hebat di dalam dan luar negara berikutan salah guna kuasa serta kekerasan yang melampau pihak berkuasa terhadap pehimpunan aman BERSIH 2.0 pada 9 Julai lalu.

“Jika rakyat tidak percaya kepada janji Najib, ia adalah salahnya sendiri kerana rekodnya sebagai Perdana Menteri sejak April 2009 tidak menunjukkan dia berani melaksanakan apa yang dijanjikannya,” katanya dalam satu kenyataan media.

Menurut Lim, selain desakan rakyat dan masyarakat antrabangsa, tekanan terhadap Najib daripada kalangan orang-orang kanan kerajaan sendiri membuatkan beliau terpaksa berjanji untuk memansuhkan ISA.

Bagi menutup keaiban itu, Najib terpaksa mempertahankan janji memansuhkan ISA itu kononnya adalah usaha BN sendiri walau pun rakyat melalui pelbagai NGO dan parti-parti pembangkang telah mendesaknya sejak lebih 40 dekad lalu.

Lim berkata janji-janji Najib hanya boleh dipercayai jika beliau berani menangani lima persoalan utama:

“Adakah dengan pemansuhan ISA dan pindaan undang-undang lain akan dilaksanakan sebelum pilihan raya umum akan datang atau ia cuma umpan janji-janji pilihan raya BN?”

“Adakah undang-undang yang akan menggantikan akta-akta zalim yang dimansuhkan itu bakal melahirkan undang-undang yang sama kejamnya dalam bentuk baru; contohnya, memansuhkan ISA tetapi menggubal undang-undang baru yang sama seperti ISA?”

“Adakah Najib akan menyokong pemansuhan undang-undang zalim dan kejam seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi?”

“Adakah Najib sanggup memansuhkan semua peruntukan dalam undang-undang yang selama ini telah memperlekehkan doktrin pemisahan kuasa termasuk yang tidak membenarkan penelitian semula (judicial review) terhadap keputusan kuasa eksekutif?”

“Adakah Najib akan menyokong usul di Parlimen untuk menerima konvensyen-konvensyen hak asasi antarabangsa, khususnya Piagam PBB mengenai Hak Sivil dan Politik serta Piagam PBB mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya?”

Lim berkata kejayaan rakyat mendesak Najib untuk berjanji menghapuskan ISA adalah melalui usaha serius menentang penindasan dan penipuan kuasa, terutamanya melalui perhimpunan aman BERSIH 2.0.

“Sebelum Najib berangan-angan mahu menjadikan Malasia sebagai 'negara demokrasi terbaik di dunia', beliau perlu menjelaskan kepada rakyat, bila beliau mahu menarik balik pengharaman BERSIH 2.0 dan bila beliau akan menarik balik tuduhan terhadap mereka yang ditangkap kerana kempen BERSIH 2.0?” soalnya.

<http://www.malaysiakini.com/news/176298>